



## ARCHDIOCESE OF KOTA KINABALU

Catholic Diocesan Centre, Lorong Hiburan 3, Taman Hiburan, Jalan Penampang,  
P.O.Box 10289, 88803 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: (+60) 88-712297 / 724305 Fax: (+60) 88-711954 e-mail: diosec@gmail.com

---

Kepada para paderi, religius dan umat awam Keuskupan Agung KK,

### SURAT PASTORAL

*“Tuhan, selamatkan kami! Kita sedang binasa.” Dan Dia berkata kepada mereka: “Mengapa kamu takut, hai kamu yang kurang beriman?” (Mat 8:25-26)*

Pada petang 27 Mac 2020, Paus Fransiskus berjalan sendirian dalam hujan di perkarangan St. Petrus yang kosong menuju ke sebuah dataran yang berbumbung di mana dia membaca dan menongsikan petikan mengenai "Angin ribut diredakan". Beliau mengundang Gereja dan dunia untuk berpaut pada Yesus Kristus di tengah pandemik Covid19 yang melanda seluruh dunia.

Hari ini, setelah seratus hari sejak peristiwa itu, jumlah kes harian Covid19 yang aktif di Malaysia telah menurun secara mendadak. Sesungguhnya, Tuhan mengasihani kita walaupun kita mempunyai iman yang sedikit. Pujian dan kemuliaan kepada-Nya! Mari kita terus berpaut teguh kepada-Nya dalam pelayaran menempuh badai pandemik ini.

Kini “*lockdown*” kita berada di fasa pemulihan. Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dijangka berlangsung hingga 31 Ogos 2020. Sebagai langkah untuk beransur kembali kepada normal, Kerajaan kita telah membenarkan lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial dibuka semula. Salah satunya adalah pembukaan semula tempat-tempat beribadat untuk orang ramai.

Kementerian Perpaduan Nasional dan Kementerian Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah telah dipertanggungjawabkan untuk mengawasi pembukaan semula perkhidmatan agama bukan Islam. Prosedur Operasi Standard (SOP) telah dikeluarkan untuk dipatuhi oleh pihak gereja dan kuil.

Setelah berunding dengan semua pihak, saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa gereja-gereja di semua paroki di Keuskupan Agung Kota Kinabalu akan memulakan Misa umum pada hujung minggu 11hb dan 12hb Julai 2020. Saya tahu ramai di antara anda yang begitu rindu dan berkeinginan yang mendalam untuk menerima Tuhan dalam Ekaristi.

Sudah 15 minggu umat tidak dapat menerima sakramen Ekaristi dan sukar mengalami Gereja sebagai persekutuan. Sebagai warganegara yang taat, kita telah mematuhi tuntutan PKP kerana iman kita kepada Tuhan dan demi kebaikan bersama.

Walaupun pandemik itu belum berakhir, penantian kita untuk menghadiri Misa secara bebas akan dipersingkat jika semua kita mematuhi protokol dengan tegas. Saya mengatakan “bebas” kerana kita hanya dibenarkan mengisi sepertiga kapasiti gereja untuk mematuhi penjarakan sosial. Ini bermakna bukan semua umat boleh menghadiri Misa sesuka hati dan bila-bila masa.

Untuk memastikan bahawa setiap umat berpeluang menyertai Misa, beberapa peraturan telah disediakan oleh pihak paroki. Saya amat berharap anda semua akan memahami mengapa

perlunya protokol tersebut. Bagi mereka yang menunggu giliran untuk menghadiri Misa, anda bolehlah mengikuti Misa *live streaming*.

Normal baru untuk menghadiri Misa akan menyebabkan beberapa ketidakselesaian dari segi interaksi dan pergerakan kita. Ia memerlukan banyak pengorbanan, kesabaran, kemurahan hati dan amalkasih dari pihak kita. Ini adalah masa di mana kita diminta untuk menghidupi iman secara nyata, "lebihkan usaha" demi kebaikan bersama umat paroki kita.

Disebaliknya, selain menyesuaikan diri dengan protokol, ada baiknya jika kita dapat mempersiapkan diri untuk fasa selepas pemulihan. Pandemik ini telah membawa kesan negatif dan positif kepada seluruh dunia. Ketakutan, penderitaan dan kematian telah dialami di banyak wilayah. Ketidakpastian ekonomi dan sosial, tekanan emosi, kehilangan pekerjaan, kemiskinan dan sebagainya menjadi cabaran dan bebanan harian kepada ramai keluarga.

Untuk melintasi fasa pemulihan, tindakbalas dasar kerajaan adalah sangat penting. Namun, sebagai orang beriman, apakah sahutan iman kita terhadap kesan-kesan negatif tersebut? Apa yang dapat kita lakukan secara individu dan sebagai komuniti yang beriman untuk menjangkau mereka yang berseru "Selamatkanlah kami, kita sedang tenggelam!"?

Secara positif, lockdown di seluruh dunia telah membawa berkat kepada alam persekitaran dan iklim. Ada laporan yang menyatakan bahawa tahap pencemaran udara telah menurun kerana kekurangan penerbangan udara dan lalu lintas jalanraya, penutupan kilang dan sebagainya. Walaupun impak seperti itu bersifat jangka pendek, tetapi sebarang penurunan dalam kemerosotan persekitaran pasti dapat menyumbang kepada hari esok yang lebih baik.

Namun, apabila lockdown mulai mereda, kita mendapati dunia mendesak kembali ke era pra-pandemik untuk menebus masa yang hilang. Bagaimana kita dapat mempromosikan dan menggalakan pembacaan dan penerapan ensiklik Paus Fransiskus, "Laudato Si" dalam masyarakat? Apa yang dapat kita lakukan secara individu dan sebagai satu paroki untuk melindungi alam semulajadi dan mempromosikan pembangunan lestari yang mesra alam?

Pertanyaan dasarnya adalah: Apa yang telah kita pelajari dari *lockdown* itu? Apakah yang Tuhan sedang katakan kepada dunia saat ini?

Biarlah semua ini menjadi renungan anda semasa kita membuka semula gereja-gereja kita. Normal baru itu bukan setakat mematuhi protokol dan SOP sahaja, ia seharusnya mencabar kita untuk mengubah amalan-amalan dalam kehidupan pra-pandemik yang tidak normal kepada panggilan kita untuk hidup sebagai anak-anak Allah dan memulihara bumi ciptaanNya.

Semoga Roh Kudus memberi kita keberanian untuk melakukan kehendak Bapa.



**Uskup Agung John Wong**

5 Julai 2020